

**MURAI TIONG BATU**  
Malayan Whistling Thrush

FAMILLI: Turdidae  
NAMA SAINTIFIK: *Myophonus caeruleus*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa adalah seakan-akan sama dengan Murai Batu Siul (*M.c.dicrorhynchus*) tetapi badan serta paruhnya bersaiz agak kecil manakala bahagian bawah sayap berwarna biru metalik yang terang. Bahagian atas badan, tepi leher dan tekak terdapat tompok-tompok berkilat yang berwarna kebiruan. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 25.0-26.0 sm.

**MAKANAN**

Makanan utama spesies ini terdiri dari invertebrata kecil, ampibia kecil, beri dan buah-buahan.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan hutan tanah pamah berhampiran kawasan jeram. Spesies ini boleh di temui sehingga ketinggian 760-1,770 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi yang hampir sama dengan Murai Batu Siul tetapi bunyinya agak lembut. Ia juga mengeluarkan bunyi yang bernada tinggi *tsee*.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Mac hingga September pada sepanjang tahun. Sarang berbentuk cawan yang besar yang dibina di kawasan paku pakis dan juga di dahan-dahan pokok. Burung betina boleh menghasilkan 2 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur adalah kelabu kebiruan yang pudar dengan terdapat bintik-bintik coklat-merah buah jambu. Anggaran saiz telur adalah 34 x 24 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.  
IUCN, mudah terancam.